

13 MAY 2001

Castro-Rangkuman

HUBUNGAN HAVANA-KL BERTAMBAH TEGUH SELEPAS LAWATAN CASTRO

KUALA LUMPUR, 13 Mei (Bernama) -- Presiden Cuba Fidel Castro berdiri di depan pintu pesawat "Cubana", memberi tabik dan kemudian meletakkan tangan kanannya di dada sebagai tanda penghargaan sebelum memasuki pesawat itu, dan dengan itu mengakhiri lawatan tiga harinya ke Malaysia hari ini.

Lawatan itu nampaknya telah meningkatkan lagi hubungan antara Havana dan Kuala Lumpur, berdasarkan keakraban yang nyata sepanjang lawatan itu di antara Castro dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Kedua-dua mereka cuba membangunkan negara masing-masing, dan lebih penting lagi, kedua-dua pemimpin itu berkongsi rasa benci terhadap pelbagai cubaan oleh Barat untuk melibatkan dirinya di negara-negara membangun menerusi pelbagai cara seperti globalisasi.

Castro menyatakan perkara itu semasa menyampaikan syarahan umum pada Jumaat mengenai globalisasi apabila beliau memberitahu para hadirin bahawa cadangan kawasan dagangan bebas oleh Amerika, apabila terlaksana kelak, merupakan ancaman terhadap pengilhakan negara-negara Latin Amerika yang miskin kepada Amerika Syarikat yang berkuasa itu.

Kebencian Castro kepada Amerika Syarikat boleh difahami memandangkan permusuhan politik antara Havana dan Washington yang telah wujud sejak awal 1960an, diburukkan lagi oleh sekatan perdagangan yang dikenakan oleh Amerika Syarikat terhadap kerajaan sosialis Cuba untuk melemahkan sokongan terhadap beliau.

Hujahnya terhadap sikap Amerika Syarikat itu jelas terbukti apabila beliau mencabar sekumpulan kecil wartawan yang menyerbu beliau selepas syarahan itu, untuk menamakan mana-mana negara lain yang tidak bergantung kepada Amerika untuk kelangsungan hidup.

Beliau berkata: "Kami adalah satu-satunya negara di dunia yang boleh hidup tanpa menjalin perdagangan dengan Amerika Syarikat...perdagangan, pinjaman atau apa-apa pun. Kami adalah sebuah negara yang miskin, kami bukan negara pengeluar minyak.

"Bagaimanapun, kami memiliki kebebasan yang tidak dimiliki orang lain pada hari ini, kebebasan untuk menyatakan sentimen kami dan untuk menyatakan kebenaran kami kepada yang lain-lainnya tanpa sebarang rasa takut terhadap apa-apa pun. Jadi, kami harus berterima kasih kepada Amerika Syarikat kerana telah memberikan peluang begitu banyak kebebasan yang dinikmati kami."

Castro, 74, berkuasa pada 1959 berikutan Revolusi Cuba, satu pemberontakan bersenjata yang telah menjatuhkan pemerintah diktator Jeneral Fulgencio Batista.

Beliau juga melahirkan kekaguman terhadap keberanian Dr Mahathir untuk "menentang" sistem antarabangsa yang tidak adil dan pada masa yang sama berusaha untuk memajukan Malaysia.

"Latin Amerika memerlukan semangat menentang seperti ini jika kami mahu mencapai kemajuan," katanya.

Pada permulaan lawatannya pada Jumaat, Castro berkata lawatan ke Malaysia akan membolehkan beliau memenuhi impian lamanya untuk mengenali negara ini dan rakyatnya.

Semasa lawatan itu, Cuba melahirkan hasratnya untuk menjalin kerjasama lebih rapat dengan Malaysia dalam bidang-bidang pertanian, perubatan, penyelidikan dan pelancongan.

Kuala Lumpur dan Havana juga menandatangani perjanjian ekonomi, saintifik dan kebudayaan yang menyediakan rangka kerja bagi meningkatkan

lagi hubungan dua hala.

Malaysia juga bersetuju untuk menambah kemudahan kredit iaitu sebanyak US\$15 juta (RM57 juta) lagi kepada Cuba bagi pembelian minyak sawit.

Yang di-Pertuan Agong, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah turut menerima mengadap Castro sebelum menganjurkan jamuan malam negara bagi Presiden itu di Istana Negara pada malam Jumaat.

Memandangkan Castro telah berdepan dengan banyak cubaan membunuhnya, kawalan keselamatan adalah amat ketat bagi presiden itu yang turut membawa bersama-samanya kira-kira 50 anggota keselamatan Cuba.

Menurut seorang pegawai kanan polis Malaysia yang enggan dikenali, urusan keselamatan bagi Castro adalah yang paling ketat pernah diberikan kepada mana-mana kenamaan asing sejak Kuala Lumpur menjadi tuan rumah forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) pada 1998.

"Ini merupakan permintaan daripada pihak berkuasa Cuba dan kami hanya bekerjasama dengan mereka bagi memastikan kawalan keselamatan adalah ketat dan terjamin semasa lawatan itu," katanya dan menurut beliau pesawat Cuba Airlines (Cubana) yang membawa anggota keselamatan Cuba itu tiba beberapa hari lebih awal sebelum ketibaan Castro pada awal pagi Jumaat.

Cubaan terbaru untuk membunuh Castro berlaku pada sidang kemuncak Ibero-American bagi negara-negara yang menggunakan bahasa Sepanyol dan Portugis di Panama pada 1999.

Namun masalah keselamatan tidak menghalang Castro daripada menikmati lawatannya ke sini apabila beliau melawat struktur berkembar tertinggi dunia iaitu Menara Berkembar Petronas semalam sebelum mengejutkan semua orang apabila beliau bergaul mesra dengan pelancong tempatan dan asing di situ.

Kegembiraan Castro dengan Putrajaya iaitu tempat beliau mengadakan perbincangan dengan Dr Mahathir terbukti apabila beliau bertanyakan satu pasangan dari Australia jika mereka telah melawat pusat pentadbiran baru Malaysia itu.

Apabila mereka menjawab belum lagi, beliau berkata menerusi penterjemah: "Anda patut lawat Putrajaya, ia adalah sebuah bandar raya yang cantik."

Seorang wanita Amerika yang menginap di hotel yang sama dengan Castro mengetahui kehadiran pemimpin itu apabila Castro bersama-sama Dr Mahathir muncul di lobi hotel itu sebelum berlepas ke Putrajaya bagi perbincangan dua hala.

Beliau didengar sebagai berkata: "Bukan sahaja saya dapat melihat Perdana Menteri Malaysia Dr Mahathir, tetapi juga Fidel Castro. Sesungguhnya ia lawatan yang akan dikenang seumur hidup!"

-- BERNAMA

MAM AT MAM RHM